



Headline: Lagi kerugian akibat tertipu pinjaman tidak wujud Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)  
Date: 22 April 2019

Section: Citra Utusan  
Page: 5

## Lagi kerugian akibat tertipu pinjaman tidak wujud

**KUCHING:** Seorang penganggur yang berhasrat meminjam RM10,000 terpaksa menanggung kerugian RM8,020 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan pinjaman tidak wujud.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani berkata, lelaki berusia 35 tahun itu pada 12 April lalu tertarik dengan iklan tawaran pinjaman wang di *Facebook*.

“Rentetan itu, mangsa kemudian menghubungi nombor yang tertera pada iklan tersebut untuk menyatakan hasratnya membuat pinjaman sebanyak RM10,000.

“Mangsa kemudian diminta untuk menghantar gambar kad pengenalnya melalui *WhatsApp* dan membuat bayaran yang kononnya untuk deposit pinjaman,” katanya dalam satu kenyataan, pada Jumaat.

Menurut Mustafa, suspek turut meminta mangsa membuat bayaran untuk bayaran cukai perkhidmatan (SST) dan duti setem.

“Mangsa kemudian membuat pembayaran keseluruhan berjumlah

RM8,020 melalui lima transaksi dari 13 April hingga 17 April.

“Mangsa hanya mengesyaki dirinya ditipu apabila masih belum menerima wang pinjaman yang dijanjikan,” katanya.

Mangsa kemudian membuat laporan polis berhubung kejadian untuk siasatan lanjut.

Sementara itu, terdapat dua lagi laporan diterima membabitkan kes pinjaman wang tidak wujud di Miri dan Kapit melibatkan kerugian kira-kira RM3,000.

Kes di Miri dilaporkan oleh seorang jurujual berusia 37 tahun dan di Kapit pula menimpa seorang suri rumah berusia 29 tahun.

Kedua-dua mangsa terbabit turut terperdaya dengan tawaran pinjaman wang tidak wujud di *Facebook*.

“Masyarakat dinasihatkan agar tidak mudah terperdaya dengan tawaran pinjaman wang melalui media sosial dan seelok-eloknya jika hendak membuat pinjaman, sila dapatkan daripada institusi kewangan yang sah atau syarikat pemberi pinjaman wang berlesen,” ujar Mustafa.